

GARIS PANDUAN UBAHSUAI TAMBAHAN DAN PERUBAHAN PADA RUMAH TERES 1, 2 DAN 3 TINGKAT DI ATAS LOT BERSAIZ KECIL DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



**JABATAN REKABENTUK BANDAR DAN BANGUNAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**



**Unit Inovasi JRBB
20 April 2015**



BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
	KANDUNGAN	1
1.0	Pendahuluan	2
2.0	Skop Garis Panduan	2
3.0	Tarikh Berkuatkuasa	2
4.0	Had Keperluan Anjakan	3 - 7
5.0	Ubahsuai Melibatkan Tambahan Tingkat	8
6.0	Keperluan Undang-Undang dan Struktur	8 - 9
7.0	Keperluan Rekabentuk	9

LAKARAN-LAKARAN

NO.	LAKARAN	
1.	Rujukan Kedudukan Lot	10
2.	Tambahan Pada Rumah Teres 1 Tingkat Lot Tengah	11 - 12
3.	Tambahan Pada Rumah Teres 1 Tingkat Lot ' <i>Fire Break</i> '	13 - 14
4.	Tambahan Pada Rumah Teres 1 Tingkat Lot Tepi (<i>Corner Lot</i>)	15 - 16
5.	Tambahan Pada Rumah Teres 2 Tingkat Lot Tengah	17 - 18
6.	Tambahan Pada Rumah Teres 2 Tingkat Lot (' <i>Fire Break Lot</i> ')	19 - 20
7.	Tambahan Pada Rumah Teres 2 Tingkat Lot Tepi (<i>Corner Lot</i>)	21 - 22
8.	Tambahan Bahagian Belakang Terdapat Lorong/Jalan Utama	23
9.	Tambahan Belakang Hingga Sempadan Bersama Tingkat Bawah	24 - 25
10.	Tambahan Belakang Hingga Sempada Bersama Di Semua Tingkat	26 - 27
11.	Gambaran Isometrik Tambahan Belakang Hingga Sempadan	28



BAHAGIAN 1

1.0 PENDAHULUAN

Penyediaan Garis panduan ini adalah sebagai penambahbaikan kepada Garis Panduan Ubahsuai Rumah Teres 1 Tingkat dan 2 Tingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sedia ada yang digunapakai sebelum ini. Garis Panduan ini memberi kelonggaran yang lebih banyak dari segi anjakan bagi membolehkan pemilik rumah teres di atas lot bersaiz kecil membuat tambahan ruang kediaman lebih luas berbanding had yang dibenarkan dalam garis panduan terdahulu.

2.0 SKOP GARIS PANDUAN

2.1 Garis Panduan ini hanya digunapakai bagi rumah teres jenis 1 tingkat, 2 tingkat atau 3 tingkat di atas **lot bersaiz kecil sahaja**.

2.2 Rumah teres lot bersaiz kecil merujuk kepada lot tengah (*Intermediate lot*) yang lebar tanah kurang daripada 20 kaki (6096mm) dan panjang tanah kurang daripada 70 kaki (21336mm) serta keluasan tanah kurang daripada 1400 kaki persegi (130 meter persegi). Rumah teres di atas lot tanah yang berukuran 20 kaki (6096mm) x 70 kaki (21336mm) dan berkeluasan 1400 kaki persegi (130 meter persegi) atau lebih adalah dikategorikan sebagai lot bersaiz biasa (*standard*).

2.3 Garis Panduan ini **tidak terpakai** untuk kediaman jenis rumah bandar (*town house*), rumah 'kluster', rumah berkembar, rumah banglo atau rumah kediaman di bawah hakmilik berstrata.

3.0 TARIKH BERKUATKUASA

Garis Panduan ini digunapakai bagi semua permohonan yang dikemukakan melalui Pusat Khidmat Setempat (OSC) DBKL berkuatkuasa pada **20 April 2015**.



4.0 HAD KEPERLUAN ANJAKAN

Keperluan anjakan yang dinyatakan di bawah ini adalah terpakai untuk rumah teres lot kecil 1 tingkat, dua tingkat dan 3 tingkat serta tambahan tingkat.

4.1 ANJAKAN DARI SEMPADAN HADAPAN

4.1.1 Tambahan di Tingkat Bawah:

- i) Anjakan minima 4500mm dari sempadan hadapan hingga ke dinding perlu diadakan untuk penyediaan ruang meletak kereta/kenderaan bagi setiap unit kediaman.
- ii) Bumbung porch boleh dibenarkan dibina hingga ke sempadan hadapan tanpa anjakan.
- iii) Tiada sebarang struktur atau unjuran dibenarkan dibina di luar sempadan lot hadapan.

4.1.2 Tambahan di Tingkat Satu:

- i) Anjakan minima 1000mm dari sempadan hadapan hingga ke dinding atau balkoni.

4.1.3 Tambahan di Tingkat Dua:

- i) Anjakan minima 1000mm dari sempadan hadapan hingga ke dinding atau balkoni.

JADUAL KEPERLUAN ANJAKAN BAHAGIAN HADAPAN:

TINGKAT	PEMBINAAN	ANJAKAN DARI SEMPADAN LOT HADAPAN
Tambahan di Tingkat Bawah	Tepi bumbung porch	Hingga ke sempadan
	Dinding bangunan	4500mm (15 kaki)
Tambahan di Tingkat Satu	Balkoni	1000mm (3 kaki)
	Dinding bangunan	1000mm (3 kaki)
	Tepi bumbung	500mm (1.5 kaki)
Tambahan di Tingkat Dua	Balkoni	1000mm (3 kaki)
	Dinding bangunan	1000mm (3 kaki)
	Tepi bumbung	500mm (1.5 kaki)



4.2 ANJAKAN DARI SEMPADAN SISI BAGI LOT TEPI (*CORNER LOT*)

4.2.1 Tambahan Sisi di Tingkat Bawah:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

4.2.2 Tambahan Sisi di Tingkat Satu:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding atau balkoni.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

4.2.3 Tambahan Sisi di Tingkat Dua:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding atau balkoni.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

JADUAL KEPERLUAN ANJAKAN BAHAGIAN SISI BAGI LOT TEPI (*CORNER LOT*)

TINGKAT	PEMBINAAN	ANJAKAN DARI SEMPADAN DENGAN JALAN
Tambahan di Tingkat Bawah	Tepi bumbung/teres terbuka	1000mm (3 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
Tambahan di Tingkat Satu	Balkoni	1500mm (5 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
	Tepi bumbung	1000mm (3 kaki)
Tambahan di Tingkat Dua	Balkoni	1500mm (5 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
	Tepi bumbung	1000mm (3 kaki)



4.3 ANJAKAN DARI SEMPADAN SISI BAGI LOT 'FIRE BREAK'

4.3.1 Tambahan Sisi di Tingkat Bawah:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

4.3.2 Tambahan Sisi di Tingkat Satu:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding atau balkoni.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

4.3.3 Tambahan Sisi di Tingkat Dua:

- i) Anjakan minima 1500mm dari sempadan lot hingga ke dinding atau balkoni.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari sempadan lot hingga ke tepi bumbung.

JADUAL KEPERLUAN ANJAKAN BAHAGIAN SISI BAGI LOT SAMA SEMPADAN (FIRE BREAK LOT)

TINGKAT	PEMBINAAN	ANJAKAN DARI SEMPADAN BERSAMA
Tambahan di Tingkat Bawah	Tepi bumbung/teres terbuka	1000mm (3 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
Tambahan di Tingkat Satu	Balkoni	1500mm (5 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
	Tepi bumbung	1000mm (3 kaki)
Tambahan di Tingkat Dua	Balkoni	1500mm (5 kaki)
	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki)
	Tepi bumbung	1000mm (3 kaki)



4.4 ANJAKAN BELAKANG

Keperluan anjakan bagi tambahan di bahagian belakang adalah berdasarkan lebar lorong/rezab/jalan yang ada di belakang lot.

4.4.1 Lorong Belakang 3000mm atau lebih:

Tambahan boleh hingga sempadan untuk tingkat bawah, tingkat 1 dan tingkat 2 termasuk tambahan tingkat.

4.4.2 Jalan Utama Di Belakang Lot.

- i) Anjakan minima 1500mm dari dinding atau balkoni ke sempadan lot.
- ii) Anjakan minima 1000mm dari tepi bumbung ke sempadan lot.

4.4.3 Lorong Belakang 1500mm:

Garis Panduan yang sedia ada menetapkan anjakan minima 750mm ke sempadan lot dengan jarak minima 3000mm dari dinding ke dinding.

Garis Panduan ini membenarkan pembinaan sambungan belakang hingga ke sempadan lot dengan syarat tingkap ke arah lot jiran belakang hendaklah jenis 'high level window' iaitu sekurang-kurangnya 2000mm tinggi dari paras lantai bagi tujuan 'privacy'.

4.4.4 Tiada Lorong Belakang (Sempadan Bersama)

Dalam Garis Panduan yang sedia ada, anjakan minima 1500mm perlu diadakan dari sempadan bersama hingga ke dinding dengan jarak minima 3000mm dari dinding ke dinding jiran. Pemilik bangunan adalah digalakkan untuk mematuhi anjakan ini.

Bagaimanapun Garis Panduan ini membenarkan pembinaan sambungan belakang hingga ke sempadan lot tertakluk kepada syarat-syarat dan pilihan yang dinyatakan di bawah.

Keperluan ini turut terpakai bagi lot yang mempunyai lorong atau rezab parit di belakang lot dengan kelebaran kurang daripada 1500mm.



SYARAT UNTUK TAMBAHAN BELAKANG HINGGA KE SEMPADAN LOT:

Pilihan 1: Tambahan hingga sempadan belakang di tingkat bawah sahaja:

- i) Dinding dua pihak (party wall) mengikut keperluan UUKB (WPKL) 1985 perlu dibina sepenuhnya ke arah lot jiran belakang dan sisi.
- ii) Pengudaraan dan pencahayaan semulajadi perlu diadakan melalui 'jack roof' untuk tingkat bawah sahaja (Rujuk lakaran 9).

Pilihan 2: Tambahan hingga ke sempadan belakang bagi semua tingkat:

- i) Tambahan hingga ke sempadan jika melibatkan semua tingkat hanya dibenarkan untuk separuh lebar lot sahaja.
- ii) Pengudaraan dan pencahayaan semulajadi hendaklah diadakan melalui 'air well' yang berukuran separuh lebar lot x 1500mm iaitu jarak anjakan dari sempadan bersama (Rujuk lakaran 10).
- iii) Longkang bersama (common drain) jika ada, hendaklah dikekalkan ukuran dan kedudukannya serta boleh diselenggara.

JADUAL KEPERLUAN ANJAKAN BELAKANG:

BELAKANG LOT	PEMBINAAN	ANJAKAN DARI SEMPADAN BELAKANG
Lorong Belakang 3000mm atau lebih	Dinding bangunan	Boleh bina hingga sempadan lot
	Tepi bumbung	Unjuran maksima 500mm dari dinding bangunan
Jalan Utama	Dinding bangunan	1500mm (5 kaki) dari sempadan
	Tepi bumbung	1000mm (3 kaki) dari sempadan
Lorong Belakang/Rezab 1500mm	Dinding bangunan tingkat bawah, tingkat 1 dan tingkat 2	i) Mengadakan anjakan 1500mm dari dinding ke garisan tengah lorong/rezab (seperti dalam Garis Panduan yang sedia ada); ATAU ii) Boleh bina hingga sempadan dengan syarat menggunakan tingkap 'high level' sekurang-kurangnya 2000mm dari paras lantai.
	Tepi bumbung	Unjuran maksima 500mm dari dinding bangunan
Lorong/Rezab Belakang Kurang Dari 1500mm atau Sempadan Bersama	Dinding Bangunan	Boleh bina hingga sempadan lot secara bersyarat. (Rujuk lakaran no. 9 dan 10)



5.0 UBAHSUAI MELIBATKAN TAMBAHAN TINGKAT

- 5.1 Syarat pengubahsuaian yang melibatkan tambahan tingkat hanya dibenarkan bagi kawasan perumahan yang telah memperolehi Perakuan Menduduki Bangunan (CFO) atau Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) lebih daripada 10 tahun.
- 5.2 Had penambahan tingkat dalam Garis Panduan yang sedia ada masih dikekalkan iaitu:
- i) Rumah teres 1 tingkat hanya dibenarkan ditambah menjadi 2 tingkat.
 - ii) Rumah teres 2 tingkat hanya dibenarkan ditambah menjadi 3 tingkat.
 - iii) Tiada tambahan tingkat dibenarkan untuk rumah teres 3 tingkat.

6.0 KEPERLUAN PEMBINAAN DAN STRUKTUR

Keperluan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 perlu dipatuhi.

6.1 TANGGA

Rekabentuk dan ukuran tangga hendaklah mengikut keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 dan tangga dari jenis '*cat ladder*' tidak dibenarkan. Tingkap tidak boleh dibina pada dinding pemisah/dinding dua pihak (*Party Wall*).

6.2 DINDING DUA PIHAK (*PARTY WALL*)

- i) Dinding dua pihak (*party wall*) hendaklah dibina sepenuhnya dalam lot sendiri dan dikemaskan dengan lepaan simen serta diwarnakan selaras dengan unit yang dibuat pengubahsuaian.
- ii) Ketebalan dinding dua pihak (*party wall*) di antara dua lot hendaklah mengikut keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 dan dinaikkan tidak kurang daripada 230mm ke atas paras bumbung.
- iii) Tiada sebarang pembukaan atau tingkap dibenarkan dibina pada dinding dua pihak.



6.3 PENGESAHAN STRUKTUR

Cadangan yang melibatkan struktur baru dan tambahan tingkat perlu memperolehi pengesahan daripada Jurutera Berdaftar berkaitan kekukuhan dan kestabilan bangunan asal untuk menampung cadangan tambahan yang dikemukakan. Pelan dan kiraan struktur oleh Jurutera Berdaftar perlu dikemukakan bagi tambahan struktur yang baru.

6.4 PENGESAHAN ARKITEK/PELUKIS PELAN BERDAFTAR (PSP)

PSP yang membuat permohonan hendaklah membuat pengesahan di atas Pelan Bangunan mengikut keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985.

7.0 KEPERLUAN REKABENTUK

7.1. Rekabentuk bumbung hendaklah bersesuaian mengikut rekabentuk bumbung asal termasuk bahan kemasan dan warna.

7.2. Unjuran maksima bumbung dari dinding bangunan/balkoni di dalam sempadan lot adalah 500mm.

7.3. Unjuran maksima bumbung dari dinding bangunan dan di atas lorong belakang adalah 500mm.

7.4. Sebarang binaan atau unjuran lain di luar sempadan lot hadapan, sisi dan sempadan bersama adalah tidak dibenarkan.


7.5. Syarat bagi ketinggian tingkat adalah seperti berikut:

NO.	TINGKAT	HAD KETINGGIAN
i)	Ketinggian tingkat bawah dan tingkat atas (sehingga siling)	Mengikut ketinggian asal setiap tingkat dan selaras dengan ketinggian unit-unit yang bersebelahan
ii)	Ketinggian tingkat tambahan (sehingga siling)	Ketinggian bagi tingkat tambahan hendaklah tidak melebihi 3000mm
iii)	Ketinggian bumbung	Selaras mengikut kecerunan asal atau maksima 30° cerun.
iv)	Ketinggian 'jack roof'	Maksima 1500mm






BAHAGIAN 2 - LAKARAN

LAKARAN 1: RUJUKAN KEDUDUKAN LOT






LAKARAN 2: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 1 TINGKAT LOT TENGAH (INTERMEDIATE LOT)




Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur







LAKARAN 3: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 1 TINGKAT LOT SEMPADAN BERSAMA (FIRE BREAK LOT)






Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur







LAKARAN 4: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 1 TINGKAT LOT TEPI (CORNER LOT)



Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur






KERATAN MEMANJANG





KERATAN RENTAS




LAKARAN 5: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 2 TINGKAT LOT TENGAH (INTERMEDIATE LOT)



Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur






KERATAN MEMANJANG



 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN




LAKARAN 6: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 2 TINGKAT LOT SEMPADAN BERSAMA (FIRE BREAK LOT)



Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur




 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAM






LAKARAN 7: TAMBAHAN PADA RUMAH TERES 2 TINGKAT LOT TEPI (CORNER LOT)




PELAN TINGKAT BAWAH



PELAN TINGKAT SATU



 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN




PELAN TINGKAT DUA

 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN

Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur






 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN





LAKARAN 8: TAMBAHAN DI BAHAGIAN BELAKANG TERDAPAT LORONG $\geq 3000\text{MM}$, LORONG $\geq 1500\text{MM}$ ATAU JALAN UTAMA



KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN






LAKARAN 9: TAMBAHAN BELAKANG HINGGA KE SEMPADAN BERSAMA ATAU REZAB/ PARIT KURANG DARIPADA 1500MM:



PILIHAN 1 - TAMBAHAN HINGGA KE SEMPADAN DI TINGKAT BAWAH SAHAJA:

Tambahan pada tingkat bawah boleh dibina hingga ke sempadan lot dengan syarat 'jack roof' diadakan untuk tujuan pengudaraan dan pencahayaan semula jadi.

Dinding dua pihak (Party wall) mengikut kehendak UUKB perlu dibina sepenuhnya di sempadan bersama pada tingkat bawah. Tambahan pada tingkat satu dan dua perlu ada anjakan 1500mm dari sempadan bersama.




Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur




KERATAN MEMANJANG

 KAWASAN BERJALUR ADALAH TAMBAHAN TINGKAT ATAS YANG DIBENARKAN UNTUK RUANG DALAMAN



KERATAN



PANDANGAN BELAKANG




LAKARAN 10:

TAMBAHAN BELAKANG HINGGA KE SEMPADAN BERSAMA ATAU REZAB/ PARIT KURANG DARIPADA 1500MM:



PILIHAN 2 - TAMBAHAN HINGGA KE SEMPADAN PADA SEMUA TINGKAT:

Tambahan pada semua tingkat boleh dibina hingga ke sempadan untuk separuh daripada lebar lot sahaja dengan syarat ruang udara ('air well') diadakan untuk tujuan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi.

Ukuran minima ruang udara (air well) adalah separuh lebar lot x 1500mm jarak dari sempadan bersama. Dinding separuh lebar lot yang dibina hingga ke sempadan hendaklah dari jenis dinding dua pihak (party wall) sepenuhnya dan mematuhi kehendak UUKB.



Garis Panduan Ubahsuai Tambahan dan Perubahan Pada Rumah Teres 1, 2 Dan 3 Tingkat Di Atas Lot Bersaiz Kecil Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur





LAKARAN 11:

GAMBARAN ISOMETRIK

Tambahan belakang boleh dibina hingga ke sempadan bersama (*common boundary*) atau sempadan dengan lorong/rezab parit yang lebarnya kurang daripada 1500mm dengan menggunakan 'air well' atau 'jack roof' bagi tujuan pengudaraan dan pencahayaan.

Dinding dua pihak (*party wall*) mengikut keperluan UUKB perlu dibina sepenuhnya di sempadan ke arah lot jiran belakang.

